

PERMOHONAN MEMBELI ATAU PINDAH MILIK
SENJATAPI DARI SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN
YANG TELAH DIDAFTARKAN .

Si pemohon dikehendaki mengemukakan borang Polis 128 yang telah dipenuhi kepada Ketua Polis Daerah bersama-sama dengan salinan fotostat/ maklumat atas perkara-perkara berikut :-

- 1) Satu profil (latar belakang) Syarikat tersebut mengandungi :
 - a) Butir-butir mengenai Syarikat, iaitu bila ditubuhkan, alamat Ibu pejabat dan kawasan ia bergerak.
 - b) Modal Syarikat dan nyatakan kadar penyertaan bumiputera.
 - c) Lesen perniagaan (kembarkan satu salinan).
 - d) Butir-butir peribadi pengarah-pengarah dan jawatan-jawatan mereka.
 - e) Nyatakan siapa antara pengarah-pengarah yang sudah memiliki senjata api, jenisnya dan tujuan apa dilesenkan.
 - f) Ringkasan tentang perjalanan perkhidmatan Syarikat.
- 2) Butir-butir peribadi pengawal-pengawal yang bekerja dengan Syarikat Kawalan Keselamatan tersebut.
- 3) Senarai pelanggan yang menempah perkhidmatan pengawalan dari syarikat tersebut dan jenis pengawalan yang diperlukan.
- 4) Bangunan pejabat dan pelan menunjukkan kedudukan 'Strong Room' bagi menyimpan senjata api yang dipohon.
- 5) Butir-butir mengenai senjata api yang dimiliki sekarang dan bagaimana dikawal setiap hari.
- 6) Rancangan yang dibuat untuk menjaga keselamatan pejabat dan 'Strong Room'.
- 7) 3 keping gambar berukuran pasport.
- 8) Salinan Kad Pengenalan.